

**Agenda Transformasi Kerajaan Berdasarkan Mandat Yang Kukuh Daripada Rakyat
– Najib
Bernama
29 Mei, 2012**

KUALA LUMPUR, 29 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak pada Selasa berkata agenda transformasi kerajaan untuk Malaysia perlu berdasarkan mandat yang kukuh daripada rakyat pada pilihan raya umum akan datang.

Perdana menteri berkata tanpa mandat yang kukuh, perancangan kerajaan untuk negara mungkin akan terjejas.

"Kami mempunyai wawasan yang jelas, kami mempunyai program dan pelan tindakan yang sangat menyeluruh, diyakini, padu dan realistik untuk membawa kita menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi.

"Tetapi semua yang kami rancang untuk negara, untuk rakyat Malaysia perlu berdasarkan mandat yang kukuh dari rakyat. Kerana dengan mandat kukuh barulah kami boleh meneruskan agenda transformasi kami," katanya menjawab soalan sesi dialog pada persidangan Invest Malaysia 2012 (IMKL 2012), di sini pada Selasa.

Soalan berkaitan pilihan raya umum, yang diajukan Pengerusi Eksekutif PricewaterhouseCooper Malaysia (PwC) Datuk Johan Raslan, moderator sesi itu, adalah satu daripada sembilan soalan yang ditanya kepada perdana menteri pada sesi ringkas itu.

Mengulangi komitmen kukuh kerajaan ke arah mencapai Wawasan 2020, Najib berkata ia tidak akan memilih 'pendekatan popular', yang sering dikaitkan dengan pakatan pembangkang, semata-mata untuk menarik sokongan rakyat.

Sebaliknya, perdana menteri berkata sebagai kerajaan yang bertanggungjawab ia akan menawarkan rakyat Malaysia perancangan yang amat berwibawa untuk masa depan rakyat.

Menyifatkan janji-janji yang dibuat pembangkang sebagai sesuatu yang jauh untuk dicapai dan tidak boleh dilaksanakan, Najib berkata beliau amat meragui pelan yang ditawarkan pembangkang itu.

"Kami telah membelanjakan lebih RM2 bilion sebulan untuk subsidi petrol dan bolehkah anda bayangkan menaikannya sehingga RM2 bilion hingga RM4 bilion? apa akan berlaku kepada kewangan negara?"

"Lepas itu, menghapuskan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) berjumlah RM35 bilion, menghapuskan tol, meningkatkan gaji minimum kepada RM4,000 sebulan. Ia tidak memerlukan ahli ekonomi untuk memahami bahawa semua janji-janji itu terlalu jauh untuk dicapai. Mereka tidak boleh melaksanakannya, malah mereka tidak berhasrat untuk melaksanakannya tetapi hanya ingin menjawat jawatan," katanya.

Menjawab soalan lain, Najib berkata adalah sukar untuk memikirkan satu penjenamaan yang kukuh untuk Malaysia memandangkan ia mempunyai kepelbagaian dari semua aspek.

"Jika anda bercakap dari segi pakej, dari segi kepelbagaian, di Malaysia kita mempunyai - ethnuk, budaya, dan dari segi cara hidup, kita mempunyai lebih banyak elemen konservatif,

lebih liberal dan lebih kosmopolitan.

"Jadi secara keseluruhan, itu mungkin pakej terbaik yang mungkin anda dapat di dunia ini...saya telah ke seluruh dunia dan saya masih percaya bahawa Malaysia adalah tempat yang terbaik untuk didiami dan menjalankan perniagaan," katanya sambil mengakui terdapat beberapa kesukaran yang dihadapi negara.

Najib bagaimanapun berkata kerajaan berharap untuk melakukan lebih banyak untuk negara bagi menjadikannya tempat yang lebih baik pada masa depan.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=669381>